

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN (KUALA KRAI)**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah fasa lebuh raya yang sedang dibina dan apakah perkembangan terkini Lebuh Raya Centre Spine Road (CSR) Machang - Kuala Krai dan Kuala Krai - Gua Musang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *Central Spine Road* (CSR) mempunyai 6 Pakej utama yang terdiri daripada 26 sub-pakej. Manakala projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan mempunyai 3 pakej utama yang terdiri daripada 8 sub-pakej. Status terkini untuk jajaran Machang - Kuala Krai dan Kuala Krai – Gua Musang adalah seperti di bawah:

1) Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 3: Machang ke Kuala Krai terdiri daripada 4 sub-pakej iaitu :

a) Pakej 3A: Machang ke Bukit Tiu. Status semasa : Pembinaan (Kemajuan fizikal, Jadual: 1.00% berbanding Sebenar: 0.60%)

(b) Bukit Tiu ke Berangan Mek Nab (Dahulunya Lebuhraya Rakyat). Status semasa: Perancangan

(c) Pakej 3B: Kampung Berangan Mek Nab ke Keroh. Status semasa : Pembinaan (Surat setuju terima telah dikeluarkan pada 12 Ogos 2021)

(d) Pakej 3C: Keroh ke Kuala Krai. Status semasa : Proses mengeluarkan surat setuju terima (SST)

2) Central Spine Road Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan terdiri daripada 4 sub-pakej yang sedang dalam **perancangan** iaitu:

(a) Kampung Rahmat ke Kampung Sungai Peria.

(b) Kampung Sungai Peria ke Kampung Laloh.

(c) Kampung Laloh ke *Exit* D228.

(d) *Exit* D228 ke Jambatan Sungai Lakit.

3) Central Spine Road Pakej 2 : Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang terdiri daripada 3 sub-pakej iaitu:

(a) Central Spine Road: Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang, Kelantan: Jambatan Sg. Lakit Ke Paloh 2. Status semasa : Perancangan

(b) Central Spine Road Pakej 2: Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang Seksyen 2B: Paloh Ke Bukit Sejuk. Status semasa : Pembinaan (Kemajuan fizikal, Jadual: 0.18% berbanding Sebenar: 0.18%)

(c) Central Spine Road Pakej 2: Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang Seksyen 2C: Bukit Sejuk ke Gua Musang. Status semasa : Pembinaan (Kemajuan fizikal, Jadual: 0.17% berbanding Sebenar : 0.17%)

Sekian, terima kasih.